



SOAR Bahasa Ibunda

Panduan Membaca Bahasa Ibunda untuk Ibu bapa

DARJAH 1 & 2



- Pengenalan kepada SOAR Bahasa Ibunda
- Tip untuk Ibu bapa
- Sinopsis Bahasa Inggeris untuk MOE
- Bacaan Sokongan
- Maklumat tentang Bahasa Melayu
- Bahan sumber membaca



SOAR Bahasa Ibunda

Mencetus minat (Spark interest), Membuka minda (Open minds), Menghargai akar budaya (Appreciate cultural roots), dan Menyerlah sebagai pembaca dwibahasa (Rise as a bilingual reader)

SOAR Bahasa Ibunda merupakan program membaca secara berstruktur yang bertujuan untuk menanam minat membaca pelajar dalam Bahasa Ibunda.

30 minit masa pelajaran Bahasa Ibunda akan diketepikan setiap minggu untuk membaca dan kegiatan berkaitan membaca. Yang berikut ialah beberapa aktiviti yang boleh dijalankan semasa pelajaran SOAR Bahasa Ibunda:



Individu



- ♥ Membaca secara senyap
- ♥ Refleksi sendiri



Rakan Sebaya/Kumpulan

- ♥ Membaca berpasang
- ♥ Perbincangan dan perkongsian buku



Kelas

- ♥ Kegiatan yang dipandu oleh guru
- ♥ Bercerita: Oleh guru atau murid
- ♥ Main peranan



Perpustakaan

- ♥ Lawatan ke perpustakaan sekolah
- ♥ Kesedaran buku
- ♥ Mengenali pelbagai genre
- ♥ Mencari buku dan maklumat
- ♥ Tugas kajian



Sekolah

- ♥ Membaca bersama dan sesi bercerita
- ♥ Pameran dan Perkongsian Perkongsian tentang buku



Keluarga

- ♥ Membaca dengan ibu bapa
- ♥ Lawatan ke perpustakaan awam



Tip untuk Ibu bapa

Apakah peranan ibu bapa membentuk tabiat dan membina kemahiran membaca dalam Bahasa Ibunda anak-anak mereka?

Ibu bapa memainkan peranan penting untuk membentuk tabiat dan kemahiran membaca anak anda. Apabila anak anda mempunyai sikap positif terhadap membaca dan menunjukkan minat untuk memilih buku Bahasa Ibunda untuk dibaca, galakkan anda akan membantu anak anda meningkatkan motivasi untuk membaca dalam Bahasa Ibunda.

Anda boleh menyediakan persekitaran yang menyokong anak anda membaca dengan memainkan tiga peranan, iaitu sebagai penggalak, suri teladan dan pemudah cara.

1. Penggalak

- Apabila anak anda menghadapi kesukaran membaca buku-buku Bahasa Ibunda, anda boleh menggalakkannya agar cekal dan mencari bantuan untuk menyelesaikan masalah tersebut.
- Bantu anak anda agar mereka berasa seronok membaca.



2. Suri Teladan

- Ibu bapa juga harus membaca buku-buku Bahasa Ibunda. Hal ini akan menggalakkan anak anda untuk belajar daripada anda.
- Bacalah buku Bahasa Ibunda bersama anak anda untuk mengukuhkan hubungan dengan mereka melalui perbualan dan pertukaran pandangan.



3. Pemudah Cara

- Gunakanlah sumber-sumber yang pelbagai untuk menyokong anak anda membaca.
- Galakkan anak anda untuk menyertai program-program masyarakat. Hal ini akan membolehkan mereka menemukan pilihan bahan-bahan bacaan lebih luas yang melangkaui kurikulum.



✿ Bagaimanakah saya boleh membantu anak saya meningkatkan kemahiran membacanya? ✿

1. Sediakan persekitaran yang sesuai untuk pembelajaran
Siapkan ruang perpustakaan yang selesa di rumah. Apabila mereka boleh mendapatkan buku dengan mudah, mereka akan bermotivasi untuk membaca.

2. Tanam tabiat membaca yang baik

Adakan rutin masa membaca dengan anak anda dan baca buku cerita atau buku elektronik dengannya. Bawa anak anda ke perpustakaan atau kedai buku sekurang-kurangnya sekali setiap minggu.

3. Pilih bahan bacaan dengan bijak

Pilih buku-buku yang sesuai dengan peringkat umur dan minat anak anda. Anda boleh mula dengan buku-buku bergambar dan buku-buku berima yang mudah.

4. Jadilah pendengar atau penonton kepada anak anda

Galakkan anak anda untuk membacakan buku kepada anda meskipun anda tidak begitu faham bahasa yang digunakan. Anda juga boleh membenarkan mereka berkongsi buku-buku yang dibaca oleh mereka dan perkara yang telah dilakukan di sekolah.



✿ Bagaimanakah saya boleh membantu anak saya meningkatkan kemahiran membacanya? ✿

5. Bersedialah untuk menyokong proses membaca anak anda

Kamus dwibahasa, kamus elektronik atau aplikasi mudah alih akan membantu anda untuk mencari makna perkataan dalam Bahasa Ibunda.



6. Jadikanlah membaca proses yang bermakna dan menyeronokkan

Biasakan diri anda dengan buku yang hendak dibaca dan bersikap canda semasa membaca buku kepada anak anda. Anda boleh menggunakan sinopsis dalam Panduan Ibu Bapa untuk membantu anda memandu anak anda membaca buku-buku bacaan sokongan. Buatkanlah tentang gambar, objek dan ajukan pertanyaan. Libatkan anak anda. Biarkan mereka yang menentukan kecepatan bacaan, selak halaman, main peranan dan berbualah tentang pandangan mereka.

7. Membaca semasa bermain


Galakkan anak anda untuk menyelesaikan tugas dalam Pasport Membaca seperti lawatan ke perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam untuk meminjam buku. Setelah selesai, mereka akan menerima sijil pencapaian.



✿ Bagaimanakah saya boleh membantu anak saya meningkatkan kemahiran membacanya? ✿

8. Bina "Senarai Perkataan Yang Sudah Diketahui"

Bantu anak anda untuk menyenaraikan perkataan-perkataan yang telah dipelajari oleh mereka. Anak anda akan berpuas hati apabila melihat senarai mereka bertambah.



9. Gunakan bantuan luar

Banyak sesi-sesi bercerita yang dijalankan di perpustakaan awam. Anda boleh menghadiri sesi-sesi ini dengan anak anda. Media massa dan teknologi seperti audio bacaan buku-buku cerita dan buku-buku berima, buku-buku audio dan aplikasi pembelajaran interaktif boleh anda gunakan untuk menyokong proses membaca anak anda.





Bahan Bacaan



Senarai Buku Cerita Bahasa Melayu
(NLB)

Darjah 1 - 2



<https://go.gov.sg/senarai-buku-bahasa-melayu-sekolahrendah>

Bahan e-buku NLB



<https://go.gov.sg/e-buku-bahasa-melayu>

siri Nabil Nabilah



<https://go.gov.sg/siri-nabil-nabilah>